

K • A • P • S • U • L PENGUNA



EDISI 4 2022 | JULAI-OGOS DITERBITKAN 31 OGOS 2022 |

f t i y KPDNHEP



MERDEKA KUARTERT: MENYANTUNI ASPIRASI KELUARGA MALAYSIA

M/S 2:

SYARIKAT AGENSI HAJI
DIARAH BERBINCANG
DENGAN BAKAL HAJI YANG
TERKANDAS

M/S 8:

JIHAD INFLASI:
PERANAN PENGUAT KUASA

M/S 12:

PENGUATKUASAAN
HARGA SILING
MINYAK MASAK
BOTOL

KPDNHEP MULAKAN PEMERIKSAAN AUDIT DAN PEMUTIHAN DI PREMIS PEMBUNGKUSAN MINYAK MASAK BERSUBSIDI

SHAH ALAM, 5 JULAI 2022 – Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) menjalankan pemeriksaan secara bersasar di premis pembungkusan minyak masak bersubsidi utama di sekitar Shah Alam, Selangor.

Pemeriksaan yang diketuai oleh YB Dato' Rosol bin Wahid, Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna dan turut disertai Tuan Shahrudin bin Hamzah, Ketua Seksyen Bekalan Bahagian Penguat Kuasa KPDNHEP; Tuan Mohd Khairi bin Jamaludin, Ketua Pegawai Penguat Kuasa KPDNHEP Negeri Selangor serta pasukan Pegawai Penguat Kuasa KPDNHEP Selangor. Dalam masa yang sama, Pengarah Penguatkuasa KPDNHEP, Azman Adam mengetuai pemeriksaan di Kelantan. Pemeriksaan yang sama turut dijalankan di seluruh negara.

Menurut YB Dato' Rosol, ini merupakan pemeriksaaan pertama di Selangor mensasarkan dua (2) premis pembungkusan minyak masak bersubsidi di Bandar Pinggiran Subang, Shah Alam yang merupakan premis aktif beroperasi sebagai pembekal utama bekalan minyak masak di lokaliti Shah Alam serta keseluruhan Negeri Selangor.

“ **KPDNHEP telah merancang secara komprehensif dengan mengenal pasti premis pembungkusan minyak masak mengikut lokaliti di setiap Negeri dan melaksanakan pemeriksaan mengejut untuk meneliti status sebenar jumlah (bekalan) minyak masak paket 1 kilogram yang dikeluarkan oleh premis pengeluar dan pembungkus minyak masak bersubsidi.** ”

Pemeriksaan yang memfokuskan kepada tempat penyimpanan bekalan, serta pemprosesan pengeluaran dan pembungkusan minyak masak paket, selain mendapatkan deklarasi atau maklumat lengkap daripada pengusaha premis yang diperiksa berkaitan minyak masak yang dikeluarkan.

KPDNHEP turut beri fokus pemeriksaan kedudukan harga runcit minyak masak sawit tulen dalam botol yang telah diapungkan harganya bermula 1 Julai 2022 bagi memastikan harga jualan runcit berpatutan dan peniaga tidak mengambil kesempatan dengan mengaut keuntungan secara tidak munasabah (mencatut). Mana-mana peniaga yang didapati berbuat demikian akan diberi notis di bawah Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011 dan disiasat atas kesalahan mencatut.

PENSIJILAN INFORMATION SECURITY MANAGEMENT SYSTEM (ISMS) – ISO/IEC 27001:2013

Putrajaya, 26 OGOS 2022– KPDNHEP melalui BPM telah berjaya mengekalkan Pensijilan ISMS (Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat) di bawah standard ISO/ IEC 27001 : 2013 *Information Security Management Systems* bermula 22 Jun 2021 sehingga 5 Julai 2024 dengan sijil bernombor ISMS 00133 oleh SIRIM QAS International Sdn. Bhd bagi skop **Pengoperasian aplikasi Price Catcher**.

Audit ISMS oleh Audit Dalam telah diadakan pada **27 hingga 29 Jun 2022** yang melibatkan 4 orang Juruaudit Dalam dari JPN, MOF dan MPAJ.

Audit ISMS oleh SIRIM telah diadakan pada **25 hingga 26 Ogos 2022** yang melibatkan 2 orang juruaudit SIRIM dan seorang pemerhati daripada Jabatan Standard Malaysia.

Berdasarkan laporan audit yang diterima, Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat **Pengoperasian aplikasi Price Catcher** di KPDNHEP dilaksanakan mengikut keperluan standard ISO / IEC 27001: 2013 serta polisi dan prosedur organisasi. Pelaksanaan mesyuarat kajian semula pengurusan, audit dalaman dan penaksiran risiko adalah konsisten. Pihak pengurusan dan kakitangan telah menunjukkan komitmen yang baik untuk terus melaksana dan mengekalkan pelaksanaan ISMS ini.

HARGA SILING BARU AYAM DAN TELUR AYAM PASTIKAN NUTRISI DAN KESIHATAN KELUARGA MALAYSIA TERJAMIN

PUTRAJAYA, 1 JULAI 2022 – Menteri Pertanian dan Industri Makanan (MAFI), YB Datuk Seri Ronad Kiandee, telah mengumumkan harga siling baru bagi ayam bulat Standard dan Telur Ayam Gred A, B dan C pada 29 Jun 2022. Harga siling ini berkuatkuasa hari ini untuk tempoh dua bulan dari 1 Julai 2022.

Harga siling baru bagi Semenanjung untuk ayam standard pada harga RM9.40 sekilogram dan telur ayam Gred A (0.45sen sebiji), Gred B(0.43sen sebiji) dan Gred C(0.41 sen sebiji) bermula 1 Julai 2022 adalah manifestasi keperihatinan Kerajaan untuk membantu mengurangkan bebanan kos sara hidup rakyat semua peringkat di samping mengekalkan tahap nutrisi dan kesihatan keluarga Malaysia untuk mendapatkan sumber protin yang diperlukan.

Kerajaan juga mengumumkan harga siling ayam dan telur ayam bagi Langkawi, Sabah, Sarawak dan Labuan seperti dalam daftar harga yang dilampirkan yang berkuatkuasa 1 Julai 2022 untuk tempoh masa yang sama iaitu dua bulan.

“ **Kerajaan telah memperuntukkan sejumlah RM369.5 juta menjadikan jumlah keseluruhan subsidi pukal untuk ayam dan telur adalah sebanyak RM1.1 bilion sejak 5 Februari 2022.** ”

Keputusan Jemaah Menteri menetapkan harga siling dan subsidi pukal bagi ayam dan telur dibuat dengan teliti demi kebaikan dan kesejahteraan semua peringkat rakyat Malaysia.

KPDNHEP akan meneruskan tradisinya meningkatkan keberkesanan penguatkuasaan dengan menggerakkan semua Pegawai Penguat Kuasa KPDNHEP di seluruh negara. Kementerian juga akan melakukan OPS SAMAR di mana pegawai penguatkuasa akan melaksanakan operasi tanpa memakai pakaian seragam dan kenderaan Kementerian serta melakukan ujian pembelian bagi memastikan peniaga patuh kepada patuh kepada undang-undang terutama bekalan, harga dan tanda harga. KPDNHEP yakin tahap pematuhan di peringkat peniaga terutama peruncit akan kekal tinggi seperti pada penetapan harga siling dan harga maksimum sebelum ini.

SYARIKAT AGENSI HAJI DIARAH BERBINCANG DENGAN BAKAL HAJI YANG TERKANDAS



Sumber Foto: Harian Metro

PUTRAJAYA, 8 JULAI 2022 – Susulan isu 380 orang bakal haji terkandas di KLIA akibat Syarikat Agensi Haji yang menguruskan haji mereka tidak dapat menyediakan Visa Furada dan tiket penerbangan tepat pada waktunya sebagaimana yang dijanjikan. Pihak KPDNHEP memandang serius terhadap isu ini yang sering berlaku setiap musim haji yang menunjukkan ketidak-pekaan masyarakat pengguna terhadap kewujudan mereka yang mengambil kesempatan untuk memperdayakan masyarakat pengguna.

Oleh itu, KPDNHEP menyeru supaya Syarikat Agensi Haji terbabit mengadakan perbincangan dan berunding dengan seberapa segera bersama semua bakal haji yang terkandas supaya jalan penyelesaian yang murni dapat dicapai demi kepentingan kedua-dua belah pihak terutama pengguna iaitu bakal haji yang terkandas tersebut.

Sekiranya jalan penyelesaian tidak dapat dicapai, Kementerian menyeru kepada bakal-bakal haji tersebut supaya membuat laporan polis dan memajukan tuntutan tebus rugi bagi amaun tuntutan tidak melebihi RM50,000.00 kepada Tribunal Tuntutan Pengguna Malaysia (TTPM) di mana-mana pejabat KPDNHEP seluruh Malaysia. Jika tuntutan itu melebihi RM50,000.00, bakal haji terbabit boleh memfailkan tuntutan di Mahkamah Sivil.

Tuntutan tersebut haruslah disertai dengan bukti yang lengkap termaksud iklan, resit bayaran, segala transaksi termasuk rekod pergubungan antara bakal haji dengan Syarikat Agensi Haji tersebut. Tindakan segera dari bakal haji sangat penting supaya tiada lagi Syarikat Agensi Haji dan Umrah berwenangan mengambil kesempatan untuk memperdaya atau tidak memenuhi tanggungjawab mereka terhadap bakal haji dan umrah di Malaysia.

NAIKNYA CEPAT, TURUNNYA LAMBAT!

Oleh : WAI TEE (Penulis Bebas)



PUNCA KETIRISAN

Anehnya, sebelum ini tak pernah pengguna bising tentang minyak masak polibeg di pasaran Peruntukan masih sama iaitu RM60 juta paket minyak masak sebulan atau 720 juta setahun. Bilangan rakyat juga tidak jauh berbeza masih sekitar 33 juta. Kenapa tiba-tiba riuh rendah?

Rupa-rupanya harga minyak masak kemasan botol mendadak naik. Ramai terkesan bila harga Crude Palm Oil (CPO) atau Minyak Masak Mentah (MSM) melonjak hampir 200 peratus daripada RM2,500 ke RM7,000 per tan metrik di pasaran dunia. Kesan positif hanya kepada peladang dan pengilang MSM sekitar 700,000 orang, tetapi tidak kepada pengguna yang berjumlah 33 juta.

Tanpa subsidi, harga minyak masak botol mencecah RM42 untuk botol 5kg. Patutlah pengguna beralih ke minyak masak bersubsidi polibeg. Peket 1kg berharga RM2.50 dan 5kg hanya RM12.50, jimat sehingga 300 peratus berbanding dengan botol!

MSM pada Mei dan Julai 2022 sahaja berharga RM7 sekilo atau RM35 untuk botol 5kg. Ini belum lagi kos memproses, menjernih, mengenyah bau, mengenyah kolesterol dan menambah nutrisi seperti vitamin E. Jika ditambah kos pembotolan, pemasaran, pengangkutan dan margin keuntungan, tidak mustahil minyak masak tulen tanpa subsidi dijual melebihi RM40 untuk 5kg.

Faktor harga disokong dengan kejayaan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) dalam advokasinya bahawa minyak paket bukan minyak kitar semula dan kualitinya serupa dengan minyak masak tulen kemasan botol. Tidak hairan ramai beralih ke minyak masak paket bersubsidi.

Satu lagi faktor adalah harga minyak masak yang mahal di negara jiran. Di Indonesia, negara pengeluar terbesar minyak masak dunia lebih mahal jika dibandingkan di Malaysia. Justeru, banyak minyak masak paket bersubsidi negara di seludup ke Thailand dan Indonesia, dijual secara berleluasa pada harga RM7 sepeket. Laporan Sinar Harian dan TV3 menonjolkan sikap si penyeludup mengkhianati negara hasil daripada kesusahan rakyat.

Satu lagi cara mengaut keuntungan segera ialah penyelewengan di mana minyak masak bersubsidi dimasukkan ke dalam kemasan botol, dilabelkan dan dijual di pasaran pada harga tanpa subsidi.

Penyelewengan ini sebenarnya berlaku kepada LPG di mana LPG bersubsidi 14kg dipindahkan ke tong komersial 50kg. Begitu juga dengan diesel bersubsidi pada harga RM2.15 seliter yang di seleweng dijual pada harga komersial.

Harga minyak masak terpakai melebihi RM4 seliter mendorong pengkhianat membeli minyak masak bersubsidi pada harga RM2.50. Biasanya, minyak masak paket digunakan sekali lalu dijual sebagai minyak masak terpakai untuk industri bio-diesel. Ada juga yang menjual minyak masak bersubsidi tanpa menggunakannya terlebih dahulu.

Pengkhianatan ini menyebabkan kekurangan bekalan minyak masak di pasaran, kesusahan di peringkat pengguna dan kerajaan terpaksa menanggung subsidi yang tinggi untuk menampung kekurangan tersebut. Ini belum lagi kerosakan dari segi imej, kebencian dan cemuhan yang terpaksa ditanggung kerajaan dan kementerian yang mengendalikannya.

BILA NAK TURUN?

Kini harga MSM sudah jatuh ke paras RM3,600 per tan metrik dan pengguna berharap agar ia diturunkan. Mungkin ia mengambil masa untuk pelarasan stok MSM lama, tetapi seharusnya tidak terlalu lama untuk harga pasaran minyak masak kemasan botol diturunkan.

Kita berharap episod kekurangan minyak masak bersubsidi akan berakhir cepat seperti kisah ayam dan seharusnya minyak masak paket diutamakan untuk isi rumah golongan B40.

Kerajaan juga harus mengizinkan penjaja kecil B40 yang berniaga tepi jalan menggunakan minyak paket bersubsidi dengan syarat harga jualan mereka tidak dinaikkan, kekal pada kadar 'subsidi' kerana mereka menggunakan ayam, telur, LPG, beras dan mungkin tepung juga bersubsidi. Tetapi tidak kepada restoran makan dan kedai mamak! Betul tak Tan Sri?

Harga barang memang isu sepanjang zaman dan takkan ada penghujungnya! Apatah lagi jika pendapatan dan gaji tidak meningkat dan setimpal.

Apa yang berlaku di dunia, inilah yang berlaku di negara kita sekarang. Bila semua aktiviti sektor sosial dan perniagaan dibuka serentak selepas pandemik, sedangkan penyediaan bekalan dan bahan mentah tidak seiring permintaan.

Akibatnya, harga meningkat sejajar dengan teori ekonomi penawaran dan permintaan. Bagaimanapun, Indeks Harga Pengguna (CPI) atau inflasi negara masih rendah sekitar 2.8 peratus jika dibandingkan lain-lain negara.

Ketua Pengarah Perangkawan (DOSM) menyatakan, ini kerana dasar kerajaan memperuntukkan subsidi dalam mengawal harga barang terutama keperluan asas seperti ayam, telur, minyak masak, petrol, diesel dan gas petroleum cecair (LPG). Tanpa subsidi, kadar CPI akan melebihi 10 peratus seperti Amerika, United Kingdom, Singapura dan Thailand

Bukan sahaja harga barang akan naik, produk makanan bermasak dan tidak bermasak juga akan turut melonjak.

Kerajaan membelanjakan subsidi RM1.1 bilion untuk memastikan ayam dan telur pada harga mampu milik dan berbilion ringgit untuk mengekalkan harga petrol RON95 dan diesel pada harga RM2.05 dan RM2.15 seliter.

Bila harga ayam hendak diapungkan mengikut harga pasaran, riuh rendahlah pengguna kerana harga ayam di negara pengeluar seperti Thailand, Vietnam dan Indonesia semuanya antara RM13 - RM15 sekilogram.

Bila kerajaan umumkan ayam pada harga siling baharu RM9.40 sekilogram, isu ayam terus mati malah ada yang jual ayam di bawah harga siling. Tidak dinafikan ia didorong oleh penyaluran subsidi cepat dan efisien kepada penternak di samping harga dedak yang mula turun.

Apabila kerajaan merasakan tidak perlu lagi memberi subsidi minyak masak kemasan botol setelah pembiayaan sehingga RM2.1 bilion untuk subsidi minyak masak polibeg bagi tahun 2021 melalui Skim Menstabilkan Minyak Masak (COSS), gendang netizen berbunyi lagi!

HARGA MAKANAN BERMASAK: NAIKNYA CEPAT, TURUNNYA LIAT

Berikut adalah temubual bersama Tuan Shamsul Nizam Bin Khalil, Timbalan Ketua Pengarah Penguatkuasa (Operasi), Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) di dalam Selamat Pagi Malaysia pada 18 Ogos 2022 di bawah topik Harga Makanan Bermasak: Naiknya Cepat, Turunnya Liat.

SOALAN 1.

Maklum balas dari orang ramai menyatakan bila harga ayam dan minyak masak naik, penjual menaikkan harga makanan bermasak. Tetapi bila harga ayam dan minyak masak dah turun, harga makanan mereka tetap sama tidak diturunkan. Apakah pemerhatian dan komen ini benar?

Jawapan:

- Kerajaan telah memainkan peranan dengan melaksanakan tindakan yang perlu dalam menangani isu kos sara hidup rakyat terutamanya berkaitan isu harga ayam dan minyak masak seperti melaksanakan Penentuan Harga Ayam dan Telur Ayam serta mewartakan harga maksimum minyak masak kelapa sawit tulen di dalam botol untuk memastikan kestabilan harga barangan tersebut di samping barang-barang lain yang berasaskan bahan mentah terbabit.
- Situasi sekarang menunjukkan trend harga ayam dan minyak masak sudah pun turun berbanding harga pada awal tahun ini.
- Peniaga perlu lebih bertanggungjawab dan memainkan peranan mereka agar harga makanan yang dijual disemak semula selaras dengan penurunan kos.
- Selain itu, pengguna juga perlu lebih bijak dengan menggunakan kuasa sebagai pengguna dengan tidak menyokong pihak yang tidak bertanggungjawab yang mengambil kesempatan dan memanipulasi harga barang.
- Kementerian telah melaksanakan Penentuan Harga Ayam dan Telur Ayam bermula 5 Februari 2022 sehingga 5 Jun 2022 dan disambung pelaksanaannya pada 6 Jun 2022 sehingga 30 Jun 2022. Penentuan harga ini diteruskan lagi mulai 1 Julai 2022 sehingga 31 Ogos 2022.
- Berdasarkan statistik penguatkuasaan Pelaksanaan Penentuan Harga Ayam dan Telur Ayam mulai 5 Februari 2022 sehingga 16 Ogos 2022 sebanyak 100,943 premis telah diperiksa melibatkan sitaan bernilai RM233,587.90 serta jumlah kompaun sebanyak RM 358,800.00 telah dikeluarkan. Sejumlah 1,651 tindakan kes telah dihasilkan.
 - Melibatkan kesalahan menjual melebihi harga maksimum, gagal menggunakan tanda harga khas merah jambu dan gagal meletakkan tanda harga.
- Pada masa yang sama, Kerajaan juga telah mewartakan harga minyak masak kelapa sawit tulen di dalam botol mulai 8 Ogos 2022. Berdasarkan statistik penguatkuasaan 8 Ogos 2022 sehingga 16 Ogos 2022.
 - Sebanyak 1,728 premis telah diperiksa membabitkan sitaan bernilai RM785.20 serta jumlah kompaun sebanyak RM 5,000.00. Sebanyak enam (6) tindakan kes telah dihasilkan.
 - Melibatkan kesalahan menjual melebihi harga maksimum.

SOALAN 2.

Hasil tinjauan mendapati Indeks Harga Makanan FAO bulan Julai mencatatkan purata 140.9 mata iaitu penurunan sebanyak 8.6 peratus berbanding Jun. Apakah sebenarnya realiti di lapangan seolah-olah harga makanan bermasak ini naiknya cepat tapi turunnya liat.

Jawapan:

- Harga barangan di pasaran ditentukan oleh faktor permintaan dan penawaran (demand and supply), faktor cuaca, ekonomi global, persaingan, kadar tukaran wang asing, kadar upah dan sebagainya. Walaubagaimanapun, Kementerian ini sentiasa mengambil langkah-langkah proaktif bagi menstabilkan kenaikan harga barangan di dalam negara.
- Antara tindakan-tindakan yang diambil adalah:
 - menguatkuasakan **Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011** bagi mengawal pengambilan untung secara tidak munasabah oleh peniaga; dan
 - melaksanakan **Skim Harga Maksimum** bagi mengawal harga barangan.
- Sebagai langkah proaktif, pemantauan harga barang** juga turut dilakukan secara konsisten oleh Pegawai Pemantau Harga yang telah dilantik oleh Kementerian ini untuk membuat pemantauan ke atas pasaraya besar, pasaraya, pasar basah, pasar mini, kedai serbaneka 24 jam, kedai runcit dan premis makanan siap masak di seluruh negara. Hasil pemantauan ini akan digunakan sebagai **laporan trend harga barang** dan **tindakan penguatkuasaan** sekiranya berlaku kenaikan harga.

SOALAN 3.

Peniaga makanan bermasak menganggap mereka telah menjalankan tanggungjawab sebagai peniaga setelah meletakkan notis pemakluman bahawa harga makanan dan minuman akan diselaraskan berikutan peningkatan harga kos bahan mentah. Apakah tindakan ini perlu juga dimaklumkan kepada KPDNHEP?

Jawapan:

- Tidak menjadi satu kemestian atau keperluan bagi mana-mana peniaga memaklumkan kepada KPDNHEP sebelum menaikkan harga.
- Namun begitu, sekiranya pihak peniaga mengambil inisiatif untuk menghantar kepada Kementerian berkaitan penyelarasan harga yang bakal dilakukan lebih baik kerana setidaknya-tidaknya pihak Kementerian boleh menjalankan pemeriksaan dan mendapatkan maklumat lanjut punca kenaikan/penyelarasan harga yang berlaku.
- Selain itu, Kementerian juga sentiasa menjalankan pemeriksaan dan pemantauan di setiap peringkat perniagaan bagi membendung kenaikan harga yang tidak munasabah oleh peniaga yang tidak bertanggungjawab.
 - Tindakan pengeluaran notis di bawah seksyen 21, Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011 akan dilaksanakan** ke atas mana-mana pihak yang didapati menaikkan harga secara mendadak dan ketara.



SOALAN 4.

Pasukan Khas Jihad Tangani Inflasi baru-baru ini menyarankan kadar sewa di premis kerajaan dan agensi kerajaan diturunkan 10-20% supaya peniaga tidak menaikkan harga jualan mereka atau sekurang-kurangnya sama seperti sebelum Covid-19. Adakah usaha ini dilihat dapat membantu kepada penurunan harga makanan?

Jawapan:

- Harga barangan di pasaran di tentukan oleh pelbagai faktor yang melibatkan kos-kos tertentu seperti kadar sewa, faktor permintaan dan penawaran (*demand and supply*), faktor cuaca, ekonomi global, persaingan, kadar tukaran wang asing, kadar upah dan sebagainya.
 - Pelbagai faktor memainkan peranan bagi membentuk dan menghasilkan satu harga yang sesuai.
- Sekiranya kos input sudah menurun, adalah wajar peniaga menurunkan harga mereka selaras dengan penurunan kos terbit.
 - Kementerian akan sentiasa mengambil langkah-langkah proaktif bagi menstabilkan kenaikan harga barangan di dalam Negara melalui pemeriksaan dan pemantauan.
 - Mengambil tindakan sekiranya ada pihak yang mengambil keuntungan secara tidak munasabah (mencatut) di bawah Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011.

SOALAN 5.

Apakah mekanisme yang digunakan oleh KPDNHEP untuk mengesan berlakunya pencatutan dalam makanan bermasak?

Jawapan:

- Peraturan-Peraturan Kawalan Harga dan Antipencatutan (Mekanisme Untuk Menentukan Keuntungan Tinggi Yang Tidak Munasabah) 2018 di bawah Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011 adalah terpakai kepada semua barangan dan perkhidmatan termasuk pada makanan bermasak.
- Kita membuat kajian dan tinjauan kos secara umum bagi barangan sedia masak. Kita dapati kos makanan sedia masak ini turut dipengaruhi lokasi sama ada bandar atau luar bandar; kos input makanan terbit dan saiz perniagaan.
- Kesemua faktor ini (termasuk faktor-faktor lain) memainkan peranan dalam menentukan harga makanan sedia masak.
- Tetapi, Kementerian ingin menegaskan bahawa Peraturan yang disebut tadi (Mekanisme Untuk Menentukan Keuntungan Tinggi Yang Tidak Munasabah) 2018 ini adalah terpakai dan boleh digunakan bagi siasatan ke atas makanan sedia masak.

SOALAN 6.

Bagaimana sesuatu harga barangan/perkhidmatan itu dikatakan mencatut?

Jawapan:

Pencatutan berlaku apabila peniaga dikesan menaikkan peratusan keuntungan melebihi asas yang telah ditetapkan bagi tahun semasa dan akan disiasat di bawah Peraturan-Peraturan Kawalan Harga dan Antipencatutan (Mekanisme Untuk Menentukan Keuntungan Tinggi Yang Tidak Munasabah) 2018 bagi menentukan kesalahan tersebut.

- Dalam bahasa mudahnya menaikkan keuntungan secara keterlaluan dengan niat untuk mengambil kesempatan.
- Kos memasak kekal, harga bahan mentah kekal, tapi harga barang naik secara tiba-tiba. Ini boleh disiasat di bawah kesalahan mencatut.

SOALAN 7.

Tindakan yang boleh diambil jika peniaga mencatut?

Jawapan:

KPDNHEP akan menggunakan perundangan di bawah Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan (AKHAP) 2011 ke atas mana-mana peniaga yang mengambil kesempatan pada situasi masa kini untuk mengambil keuntungan secara tidak munasabah (mencatut) sehingga menyebabkan kenaikan harga yang melampau di pasaran. Mana-mana peniaga yang dikesan melakukan kesalahan di bawah Seksyen 14(1), AKHAP 2011 ini boleh dikenakan denda sehingga RM500,000.00 bagi perbadanan/syarikat dan sehingga RM100,000.00 bagi individu atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga (3) tahun atau kedua-duanya sekali.



SOALAN 8.

Take home mesej kepada peniaga dan pengguna.

Jawapan:

- Kepada para peniaga suka saya untuk mengingatkan bersama-sama lebih bertanggungjawab dan beretika di dalam amalan perniagaan. Sekiranya kos input menurun, turunkanlah harga. Janganlah ketika kos input naik cepat naikkan harga tetapi bila kos input dah turun tidak menurunkan harga dengan sewajarnya. Mengimbangi situasi menang-menang antara keuntungan dan kepentingan pengguna.
- Teruslah mematuhi semua perundangan yang telah ditetapkan dan dikuatkuasakan oleh Kementerian bagi mengelakkan dikenakan tindakan yang tegas.
- Pengguna hendaklah lebih bijak apabila berbelanja. Pilihlah peniaga yang mengamalkan etika perniagaan yang baik dan tidak mengambil kesempatan dengan memanipulasi harga.
- Gunakan sepenuhnya kuasa pengguna. Dengan menggunakan kuasa sebagai pengguna pihak yang tidak bertanggungjawab ini tidak akan mengambil kesempatan untuk melakukan penipuan atau memanipulasi harga barang.
- Pengguna yang mempunyai sebarang maklumat berhubung salah laku oleh peniaga berhubung perkara di atas boleh menyalurkan aduan yang lengkap kepada pihak Kementerian melalui saluran berikut:

i) WhatsApp 019-279 4317 / 019-848 8000

ii) Portal Aduan; e-aduan.kpdnhep.gov.my

iii) Call Centre 1-800-886-800

iv) Emel e-aduan@kpdnhep.gov.my

v) Ez ADU KPDNHEP

SYARIKAT MENYELEWENG MINYAK DIESEL BERSUBSIDI DIDAKWA DI MAHKAMAH

PUTRAJAYA, 5 OGOS 2022 – Syarikat bersama seorang pengarahnya didakwa di Mahkamah Sesyen Shah alam, Selangor pada 3 Ogos 2022 atas pertuduhan melakukan penyelewengan diesel bersubsidi dalam satu serbuan yang telah dilakukan ke atas sebuah premis di Kuala Selangor, Selangor pada 28 Julai 2022.

Tertuduh dan pengarahnya yang berumur 57 tahun merekodkan pengakuan tidak bersalah ke atas pertuduhan yang dibacakan di hadapan Hakim, Puan Rasyidah binti Ghazali. Tertuduh telah melakukan kesalahan di bawah Peraturan 18 Peraturan-Peraturan Kawalan Bekalan (Pindaan) 2021 iaitu di dalam perjalanan perdagangan atau perniagaan didapati mempunyai dalam milikan barang kawalan yang juga merupakan barangan berjadual iaitu minyak diesel sebanyak 21,035 liter tanpa kebenaran. Berdasarkan Peraturan 18, Peraturan-Peraturan Kawalan Bekalan (Pindaan) 2021 mewajibkan mana-mana pihak bagi tujuan perdagangan yang membeli dan menyimpan barang kawalan (diesel bersubsidi) perlu memiliki permit kebenaran daripada pihak Kementerian.

Timbalan Pendakwa Raya KPDNHEP, Tuan Firdaus bin Ruslan telah menawarkan jaminan ke atas tertuduh sebanyak RM 30,000.00 namun tertuduh telah mengemukakan rayuan agar jaminan dikurangkan ke atasnya. Mahkamah telah membenarkan tertuduh diikat jamin sebanyak RM 15,000.00 dengan seorang penjamin.

Mahkamah telah menetapkan tarikh 12 September 2022 bagi sebutan semula kes dan serahan dokumen.

Jika sabit kesalahan tertuduh boleh dijatuhkan hukuman di bawah Seksyen 22(1) Akta Kawalan Bekalan 1961 - Seseorang selain daripada badan korporat tetapi termasuk pengarah atau pegawai sesuatu korporat yang melakukan kesalahan terhadap Akta ini, apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi satu juta ringgit (RM1,000,000.00) atau dipenjara dalam tempoh tidak melebihi 3 tahun atau kedua-duanya sekali, dan kesalahan pada kali kedua dan seterusnya, didenda tidak melebihi tiga juta ringgit (RM3,000,000.00) atau dipenjara dalam tempoh tidak melebihi 5 tahun atau kedua-duanya sekali.

Pihak Kementerian ingin memberi amaran keras kepada mana-mana pihak yang berurusan dengan barang kawalan berjadual (diesel bersubsidi) agar mematuhi perundangan yang telah ditetapkan bagi mengelakkan dikenakan tindakan tegas di bawah Akta Kawalan Bekalan 1961 (Akta 122) termasuklah didakwa di Mahkamah.

Masyarakat disarankan untuk menjadi mata dan telinga kepada pihak berkuasa dengan memberikan kerjasama sekiranya mempunyai sebarang maklumat berhubung aktiviti penyelewengan dan penyeludupan barang kawalan/bersubsidi bagi memastikan aktiviti jenayah ini dapat dibanteras sehingga ke akar umbi yang boleh mendatangkan kesan buruk kepada rakyat dan Negara.

SASARAN 30 POTENSI FRANCAISI BERNILAI RM7.5JUTA DI ZON PANTAI TIMUR



KUANTAN, 16 JULAI 2022 – Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) dengan kerjasama Kerajaan Negeri Pahang dan Persatuan Francais Malaysia (MFA) kini memperluaskan Program Jelajah Franchise Bay (PJFB) 2022 ke Negeri Pahang di Kuantan City Mall, Kuantan, Pahang merangkumi zon Pantai Timur. Program ini telah dirasmikan oleh YB Dato' Sri Norolazali bin Sulaiman, Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Pengangkutan dan Kesihatan Negeri Pahang, dan diiringi oleh YBhg. Datuk Azman bin Yusof, Ketua Setiausaha, KPDNHEP.

Program ini merupakan platform yang dibangunkan oleh Kerajaan melalui Kementerian tertumpu kepada para usahawan untuk menceburkan diri dalam bidang perniagaan, mengembangkan perniagaan sedia ada dan juga mempromosikan perniagaan mereka yang terkesan akibat pandemik COVID-19, seterusnya menyumbang kepada penguatkuasaan ekonomi negara.

Sempena PJFB 2022 ini, pameran turut diadakan selaras dengan perkembangan pesat industri francais dalam negara. Sebanyak 20 syarikat francais tempatan telah terlibat dalam sesi pameran dan business matching. Pameran ini juga bertujuan memberi pendedahan tentang sistem-sistem perniagaan francais yang telah wujud di negara ini serta pakej-pakej latihan dan pembiayaan yang disediakan oleh Kerajaan kepada bakal-bakal usahawan francais.

PJFB di Kuantan ini merupakan siri yang ketiga daripada siri Jelajah Francais Bay bagi tahun 2022. Siri pertama telah dirasmikan oleh YB Dato Sri Alexander Nanta Linggi, Menteri PDNHEP pada 28 Mei 2022 di Kuching, Sarawak. Siri Kedua telah dirasmikan oleh YB Dato' Rosol bin Wahid, Timbalan Menteri PDNHEP pada 11 Jun 2022 di Johor Bahru, Johor. Siri- siri seterusnya akan diadakan di Selangor (19-21 Ogos 2022) dan yang terakhir di Negeri Kedah (17-19 November 2022).

Hasil daripada penganjuran program siri pertama di Kuching dan Johor Bahru, sebanyak 208 potensi francais telah mendapatkan khidmat nasihat dan mengemukakan hasrat mereka untuk menjadi francais dengan nilai potensi pelaburan sebanyak RM66 juta.

KPDNHEP dan Kerajaan Negeri Pahang mensasarkan sekurang-kurangnya 30 potensi francais dengan jangkaan nilai potensi pelaburan sebanyak RM 7.5 juta melalui PJFB negeri Pahang merangkumi Zon Pantai Timur.

Kerajaan menggalakkan para usahawan untuk merebut peluang yang disediakan dari segi program latihan dan pembiayaan dalam meneroka perniagaan francais. Sebarang pertanyaan boleh merujuk kepada pautan www.mfa.org.my dan sila lawat pautan <https://myfexv2.kpdnhep.gov.my> untuk pendaftaran.

FRANCAIS MIKRO DAN MAMPU FRANCAIS MAMPU MILIK TIDAK PINGGIRKAN GOLONGAN B40 DAN M40

DAMANSARA, 28 JULAI 2022 – Program Francais Mikro dan Mampu Milik (F3M) yang dilaksanakan oleh Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) dengan kerjasama Persatuan Francais Malaysia (MFA) telah mula menunjukkan kejayaan dalam membantu melahirkan pemilik francais daripada golongan B40 dan M40.

Kejayaan ini juga sekaligus telah berjaya menempatkan golongan ini dalam arus pembangunan industri francais serta mengikis persepsi bahawa francais merupakan perniagaan 'kayangan' kerana memerlukan modal yang besar. Pelaksanaan F3M juga merupakan komitmen KPDNHEP dalam usaha meningkatkan penglibatan golongan B40 dan M40 dalam industri francais bukan sekadar sebagai pekerja di outlet francais tetapi sebagai pemilik kepada jenama terkenal francais empatan.

Lawatan oleh YB Dato' Rosol bin Wahid, Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal (KPDNHEP) ke outlet Global Art Damansara Perdana, Petaling Jaya, Selangor dan pertemuan dengan pemilik outlet iaitu Cheong Shu Qi yang merupakan golongan B40 adalah bagi mengetahui perkembangan terkini pengoperasian outlet francais di bawah pelaksanaan F3M.


Outlet Global Art Damansara Perdana merupakan salah satu outlet francais yang dilahirkan oleh KPDNHEP melalui inisiatif pemberian Geran Padanan (Matching Grant) di bawah pelaksanaan Program F3M. Global Art merupakan jenama francais tempatan bertaraf antarabangsa yang telah mempunyai 168 outlet dalam negara dan 493 outlet di luar negara. Sehingga kini, Global Art telah berkembang ke 21 negara antaranya Indonesia, Vietnam, Hong Kong, India, Australia, Arab Saudi dan Amerika Syarikat.

Menurut Dato' Rosol, inisiatif F3M yang diperkenalkan pada tahun 2021 dengan tujuan untuk meningkatkan bilangan perniagaan francais berskala mikro dan mampu milik dalam negara serta membantu meningkatkan kualiti hidup golongan B40 dan M40 untuk menjana pendapatan. Program F3M yang dilaksanakan ini bukan sahaja memberi peluang kepada francaisor mengembangkan jenama francais mereka, tetapi juga dapat melahirkan lebih ramai pemain industri francais khususnya di kalangan generasi muda M40 dan B40 selaras dengan hasrat Kerajaan untuk merapatkan jurang pendapatan dan mengurangkan kadar pengangguran.

Akhir sekali, KPDNHEP amat menghargai komitmen semua pihak yang terlibat dalam menjayakan Program F3M dan pencapaian penerima geran yang berjaya membuka perniagaan francais di bawah inisiatif ini. Adalah diharapkan agar pihak Kerajaan dapat mempertimbangkan untuk meneruskan Program F3M ini untuk jangka masa panjang bagi melahirkan lebih ramai lagi pemilik perniagaan francais pada masa hadapan dan penciptaan pekerjaan baharu.

MELAHIRKAN PENGGUNA BIJAK DAN PERSEDIAAN PASCA PANDEMIK

Oleh Mohammad Mafrukhin Mokhtar, AKPK



Sumber imej:
Envato Elements
dan Freepik

Peralihan tingkah laku pengguna kepada norma baharu semasa pandemik

Pandemik COVID-19 telah memberi kesan kepada tingkah laku pengguna dalam menguruskan perbelanjaan. Tinjauan AKPK terhadap lebih daripada 2 ribu pengguna di seluruh Malaysia semasa pandemik menunjukkan berlakunya peralihan tingkah laku ke arah perbelanjaan norma baharu. Secara amnya, tinjauan mendapati bahawa majoriti (85%) menyatakan mereka akan meneruskan cara berbelanja mengikut norma baharu walaupun setelah pandemik berakhir. Lebih daripada separuh (60%) pengguna didapati telah menjalankan pembelian dalam talian beberapa kali dalam tempoh sebulan. Amaun yang dibelanjakan dalam talian juga meningkat (16% kepada 30%) bagi golongan pengguna yang membelanjakan sekurang-kurangnya RM200.

Golongan muda lebih cenderung kepada pembelian kompulsif dalam talian

Perbelanjaan dalam talian yang tidak terkawal dan tidak terancang (dirujuk sebagai kompulsif) memberi impak negatif kepada kedudukan kewangan pengguna. Kajian mendedahkan bahawa 3 daripada 10 pengguna mempunyai tingkah laku perbelanjaan yang kompulsif dan golongan muda didapati lebih cenderung untuk mempunyai tingkah laku ini. Selain golongan muda, golongan wanita, bujang dan pekerja sektor swasta juga didapati lebih cenderung membeli secara kompulsif berbanding dengan profil yang lain. Berdasarkan kajian, mereka yang dikategorikan sebagai pembeli kompulsif ini mempunyai tahap kesejahteraan kewangan yang lebih rendah berbanding dengan mereka yang dikategorikan sebagai pembeli berhemat.

Kemunculan platform BNPL semasa norma baharu

Dalam pada pengguna Malaysia beradaptasi untuk beralih ke pembelian dalam talian, platform Buy Now Pay Later (BNPL) pula muncul. BNPL membolehkan pengguna membeli dan membayar secara ansuran secara dalam talian. Walaupun platform-platform yang menawarkan perkhidmatan BNPL ini tidak mengenakan faedah, pengguna masih akan dikenakan caj denda lewat sekiranya tidak membuat bayaran seperti yang telah ditetapkan. Kelebihan dan kekurangan BNPL secara ringkas adalah seperti berikut:

Kelebihan:

- Cara yang mudah dan tersusun untuk membayar pembelian pada selang masa yang tetap
- Mempunyai sedikit atau tiada kadar faedah berbanding dengan pelan ansuran kad kredit
- Kelulusan pembelian ansuran yang lebih pantas
- Boleh digunakan untuk membeli peralatan yang diperlukan untuk menjana pendapatan (Perniagaan)

Kelemahan:

- Pembayaran boleh menjadi sukar untuk dipantau terutamanya apabila beberapa pembelian dibuat daripada beberapa penjual yang berbeza
- Pengguna akan cenderung untuk membuat perbelanjaan berlebihan terutamanya bagi pembeli kompulsif
- Caj denda lewat yang tinggi
- Sumber: Jaringan Pendidikan Kewangan (FEN)

Pengurusan perbelanjaan yang baik menjamin kesejahteraan kewangan

Dengan kemunculan pelbagai aplikasi atau platform yang memudahkan pengguna untuk berbelanja, pengurusan perbelanjaan peribadi yang berhemat menjadi amat penting bagi melindungi pengguna daripada berbelanja secara tidak terkawal. Kajian mendapati bahawa golongan pengguna yang mempunyai perancangan perbelanjaan yang baik dapat menyimpan dengan lebih konsisten. Pelan perbelanjaan yang rapi bermula daripada menilai kemampuan, menyediakan bajet, berbelanja mengikut bajet yang dirancang, dan akhirnya merekod perbelanjaan. Secara purata, nisbah simpanan meningkat sehingga hampir dua kali ganda untuk mereka yang mengamalkan pelan perbelanjaan berbanding dengan mereka yang tidak membuat perancangan. Selain itu, ia juga membantu pengguna daripada melakukan pembelian kompulsif dan pada masa yang sama, melatih pengguna untuk berbelanja secara berhemat.

Pandemik secara tidak langsung memberi pengajaran yang baik

Saat negara memerangi penularan COVID-19 berserta beberapa tindakan pencegahan yang telah dilaksanakan seperti Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), tanpa kita sedari keadaan ini telah mencorakkan tingkah laku perbelanjaan dalam kalangan pengguna ke arah yang lebih baik. Tinjauan AKPK mendapati bahawa 69% daripada pengguna mengakui bahawa cara perbelanjaan mereka menjadi lebih baik dan 77% pula mempunyai motivasi untuk memperbaiki tingkah laku kewangan mereka. Pengguna mengurangkan perbelanjaan mereka untuk barangan yang tidak penting di samping membuat penyelarasan perbelanjaan semasa bekerja atau belajar dari rumah. Pandemik juga telah menunjukkan bahawa pengguna semakin inovatif dalam menjana pendapatan tambahan dan ini boleh dilihat melalui peningkatan jumlah perniagaan yang beroperasi dalam talian. Justeru, perubahan tingkah laku ini merupakan sesuatu yang amat positif dan disarankan bagi membina daya tahan kewangan dalam kalangan pengguna.

Pengguna bijak di era norma baharu pasca pandemik

Dengan peningkatan jumlah pembelian dalam talian dan kemunculan skim pembelian seperti BNPL, berikut disertakan beberapa kaedah mudah yang boleh dijadikan panduan agar pengguna menjadi lebih bijak dalam menguruskan perbelanjaan semasa era norma baharu dan seterusnya meningkatkan keupayaan kewangan pada masa akan datang:

1. Meneliti 3 perkara sebelum membuat pembelian melalui skim BNPL:

- Tujuan pembelian – untuk perkara yang produktif sahaja seperti barangan yang boleh menambahkan pendapatan
- Kemampuan membayar – memastikan kemampuan untuk membuat bayaran balik
- Syarat pinjaman – memahami proses permohonan, polisi bayaran balik, dan caj denda lewat

2. Menjalankan 3 langkah untuk mendapatkan maklumat lanjut tentang pengurusan kewangan dan khidmat nasihat kewangan:

- Kenal pasti penyedia pendidikan kewangan seperti Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK)
- Layari portal pendidikan AKPK di power.akpk.org.my
- Daftar dan sertai modul pendidikan kewangan yang tersedia

3. Menjalankan 3 langkah untuk memanfaatkan teknologi dalam menguruskan kewangan secara lebih mudah:

- Muat turun aplikasi pengurusan kewangan yang tersedia di pasaran
- Isi maklumat kewangan dan mula buat bajet
- Pantau dan rekod perbelanjaan menggunakan aplikasi yang telah dimuat turun



JIHAD INFLASI: PERANAN PENGUAT KUASA

Setelah hampir sebulan ditubuhkan, Pasukan Khas Jihad Tangani Inflasi dilihat berada di landasan tepat apabila ia mula menunjukkan hasil positif dalam mengurus kenaikan kadar inflasi.

Diwujudkan kerajaan pada 29 Jun lalu, pasukan itu yang dipengerusikan Menteri Komunikasi dan Multimedia, Tan Sri Annuar Musa bertujuan membantu rakyat menghadapi cabaran ekoran peningkatan kos sara hidup.

Berikut adalah temubual bersama Tuan Azman Bin Adam, Pengarah Penuat Kuasa KPDNHEP mengulas Peranan Penguat Kuasa KPDNHEP di bawah Jihad Inflasi pada 17 Julai 2022 di Selamat Pagi Malaysia, RTM.

Soalan 1

Isu ekonomi dan kos sara hidup rakyat telah menjadi tumpuan utama pada masa kini akibat peningkatan harga barang. Perkara ini terjadi kesan daripada inflasi yang sedang melanda negara dan juga dunia. Susulan itu, kerajaan telah menubuhkan Pasukan Khas Jihad Tangani Inflasi. Boleh Tuan kongsi apa yang dimaksudkan Jihad Inflasi ini?

Jawapan

Penubuhan Pasukan Khas Jihad Tangani Inflasi yang dipengerusikan Menteri Komunikasi dan Multimedia, Annuar Musa ialah bagi membantu rakyat menghadapi cabaran kenaikan kos sara hidup. Mesyuarat Jemaah Menteri telah bersetuju menubuhkan Pasukan Khas Jihad Tangani Inflasi yang berperanan mengumpulkan semua maklumat daripada kementerian, agensi dan orang ramai bagi menyelesaikan isu berkaitan inflasi khususnya mengawal kenaikan harga barang dengan lebih efisien dan berkesan.

Penubuhan Pasukan Khas Jihad Tangani Inflasi membuktikan kerajaan tidak mengamalkan sikap lepas tangan dalam menyelesaikan isu rakyat yang kian mendesak. Penubuhan pasukan ini adalah satu pendekatan rentas kementerian yang holistik dirumuskan kerajaan dan memastikan rakyat memahami situasi yang sedang melanda negara. Kerajaan membuat pengumuman setiap kali mesyuarat diadakan untuk maklumkan rakyat apakah tindakan yang diambil bagi mengatasi masalah inflasi dan rakyat juga dapat bertindak bersama. Langkah menubuhkan pasukan itu juga membolehkan kerajaan memulihkan ekonomi dengan mendalami kelemahan pasaran.

Soalan 2

Apakah fungsi Bahagian Penguat Kuasa KPDNHEP sebagai salah satu jawatankuasa Pasukan Khas Jihad Tangani Inflasi ini dalam memantau bekalan barangan kawalan dan keperluan asas di pasaran, terutama sejak 1 Julai 2022 lalu?

Jawapan:

1. Bermula 1 Julai 2022 Kerajaan telah mengambil keputusan tidak meneruskan subsidi ke atas minyak masak botol, walaubagaimanapun subsidi minyak masak paket 1 kg tetap diteruskan dengan edaran sebanyak 60,000 metrik tan sebulan.
2. Bagi memastikan keberadaan bekalan dan kestabilan harga barangan terutamanya ayam dan telur ayam, Kerajaan telah meneruskan pelaksanaan Penetapan Harga Maksimum Ayam dan Telur Ayam yang berkuatkuasa 1 Julai 2022 sehingga 31 Ogos 2022.
3. Pemeriksaan dan pemantauan secara berkala ini dilakukan setiap hari oleh lebih 2,200 anggota penguat kuasa KPDNHEP seluruh Negara.
4. Melaksanakan OPS ATM (Ayam, Telur Ayam dan Minyak Masak) berkaitan tindakan kawalseliaan bekalan ayam, telur ayam dan minyak masak secara harian di setiap peringkat rangkaian bagi memastikan keberadaan bekalan adalah stabil dan tiada isu berkaitan kegiatan

sorok barang kawalan dan keperluan harian di pasaran selaras dengan Kempen Anti Sorok yang dilancarkan pada awal tahun ini. OPS ATM ini juga bertujuan memastikan harga barang yang dijual bermula 1 Julai 2022 adalah berpatutan dan bagi mengekang peniaga yang tidak beretika daripada mengambil kesempatan mengaut keuntungan secara tidak munasabah.

5. Mengeluarkan Notis di bawah Seksyen 8 Akta Kawalan Bekalan 1961 kepada pembungkus minyak masak untuk mendapatkan maklumat berikut:-

i. Penerimaan minyak masak daripada *refinery*;

ii. *Pre plan delivery*;

iii. Senarai pembeli yg akan mendapat agihan selepas pembungkusan;

iv. Jangkaan penerimaan seterusnya daripada *refinery*.

6. Memastikan peruncit mempamerkan notis had tiga (3) paket bagi setiap transaksi.

7. Mempertingkatkan pemeriksaan untuk minyak masak paket harian dan mengadakan publisiti yang meluas, baik di media sosial mahupun di media arus perdana.

8. Selain itu, KPDNHEP sentiasa memantau penuh bekalan barang kawalan sejak pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) lagi di mana Kementerian telah melantik *Dedicated Distributor Retailer* (DDR) yang terdiri daripada peruncit yang dipantau setiap hari berkaitan keberadaan stok melibatkan barang kawalan dan keperluan asas.

9. DDR ini dipilih/dilantik di setiap daerah dan berkemampuan untuk membantu penduduk setempat untuk mendapatkan bekalan barangan.

10. Di samping itu juga, peranan *Dedicated Distributor Wholesaler* (DDW) di peringkat pemborong bagi membantu DDR yang dilantik bagi memastikan bekalan barang kawalan adalah menjadi keutamaan. Tindakan ini juga diambil bagi pengeluar atau peringkat pengilangan. Sehingga kini, terdapat enam (6) barang kawalan yang dipantau setiap hari iaitu minyak masak, ayam, tepung gandum, telur ayam, gula dan gas cecair petroleum (LPG).

11. Kerjasama bersama agensi dalam memudahcara penyampaian bekalan barang kawalan dalam aliran rangkaian bekalan sentiasa diperhalusi contohnya, pembekalan barang kawalan yang diimport seperti bawang (pada musim perayaan).

Soalan 3

Kita tahu 2,200 Pegawai Penguat Kuasa tidak mencukupi untuk membuat penguatkuasaan dan pemantauan harga operasi perdagangan dalam negeri. Apakah strategi Penguat Kuasa KPDNHEP untuk memastikan bekalan barangan mencukupi dan harga barangan yang ditawarkan tidak dinaikkan sesuka hati?

Jawapan:

1. Bahagian Penguat Kuasa KPDNHEP telah melaksanakan penguatkuasaan ke atas pengambilan keuntungan secara tidak munasabah (mencatut) oleh peniaga di bawah Peraturan-Peraturan Kawalan Harga dan Antipencatutan (Mekanisme Untuk Menentukan Keuntungan Tinggi Yang Tidak Munasabah) 2018 mula berkuatkuasa pada 6 Jun 2018;
2. Pemantauan dan penguatkuasaan yang lebih agresif meliputi seluruh rangkaian pengedaran barangan dan perkhidmatan di seluruh negara di bawah Ops Catut, Ops Rantai dan Ops PASAR. Operasi ini telah menggerakkan semua anggota penguat kuasa Kementerian seluruh Negara bagi membendung isu kenaikan harga barangan di pasaran;
3. Pengeluaran Notis bertulis di bawah Seksyen 21 AKHAP 2011 ke atas mana-mana pihak yang didapati menaikkan harga secara mendadak dan ketara untuk mendapatkan maklum balas dan penjelasan secara bertulis mengenai kenaikan harga bagi menentukan berlakunya elemen mencatut; dan
4. Mengadakan sesi libat urus untuk memberi penjelasan, khidmat nasihat dan kerjasama bersama peniaga dalam memahami dan mematuhi undang-undang yang dikuatkuasakan.
5. Selain itu, Pegawai Penguat Kuasa juga menjalankan pemeriksaan berkaitan anti sorok. Tindakan awal kita adalah dengan mengeluarkan notis dibawah Seksyen 8 Akta Kawalan Bekalan 1961 di mana penjual barang kawalan perlu mengisytiharkan stok barang kawalan dan jika didapati tidak bertepatan dengan pemeriksaan fizikal, tindakan boleh diambil dibawah Seksyen 15 AKB 1961 iaitu mana-mana orang yang didapati menyembunyikan barang kawalan adalah melakukan kesalahan.
6. Yang terkini seperti yang telah diumumkan semalam, KPDNHEP dengan kerjasama Kementerian Belia dan Sukan (KBS) dan Majlis Belia Malaysia (MBM) untuk menggerakkan belia sebagai sukarelawan di lapangan untuk memantau sebarang eksploitasi kenaikan atau lonjakan harga barangan di pasaran. Hasil/maklumat pemantauan ini akan dilaporkan terus kepada pihak KPDNHEP untuk tindakan selanjutnya mengikut peruntukan undang-undang yang dikuatkuasakan KPDNHEP.
7. Selain itu, mempertingkatkan kerjasama dengan agensi-agensi penguatkuasaan lain terutama di sempadan Negara seperti Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM), Angkatan Tentera Malaysia (ATM), Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan *Eastern Sabah Security Command* (ESSCOM).

Soalan 4

Bagaimana isu Eksploitasi bekalan dan harga barang ini ditangani?

Jawapan:

- Berhubung isu keberadaan bekalan, KPDNHEP menguatkuasakan Akta Kawalan Bekalan 1961. Tindakan penguatkuasaan di bawah peruntukan Akta ini dilakukan dengan tegas oleh KPDNHEP bagi memastikan isu bekalan termasuklah penyelewengan dan penyeludupan barang kawalan/bersubsidi dapat diatasi/dibendung secara konsisten dan holistik.
- Mana-mana orang yang melakukan kesalahan yang berkaitan boleh diambil tindakan di bawah Akta Kawalan Bekalan 1961 dan jika disabitkan boleh didenda tidak lebih RM1,000,000.00 (Ringgit Malaysia Satu Juta) manakala bagi kesalahan berikutnya tidak melebihi RM3,000,000.00 (Ringgit Malaysia Tiga Juta) bagi orang perseorangan atau penjara tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya sekali manakala bagi syarikat sekiranya sabit kesalahan boleh didenda tidak melebihi RM2,000,000.00 (Ringgit Malaysia Dua Juta) manakala bagi kesalahan berikutnya tidak melebihi RM5,000,000.00 (Ringgit Malaysia Lima Juta).
- Bagi memastikan isu harga barang dapat ditangani dengan tegas secara perundangan, KPDNHEP menguatkuasakan Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011. Tindakan penguatkuasaan di bawah peruntukan Akta ini dilakukan dengan tegas oleh KPDNHEP bagi memastikan isu harga barang termasuklah pematuhan ke atas penandaan harga barang, pematuhan ke atas harga maksimum/kawalan, skim-skim harga maksimum musim perayaan dan aktiviti mencatut dapat diatasi.
- Penalti ke atas peniaga yang melakukan kesalahan mencatut adalah seperti berikut:
 - Jika suatu pertubuhan perbadanan, denda tidak melebihi RM 500,000 dan bagi kesalahan kali kedua atau yang berikutnya didenda tidak melebihi RM 100,000; atau
 - Jika bukan suatu pertubuhan perbadanan, didenda tidak melebihi RM 100,000 atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga (3) tahun atau kedua-duanya dan, bagi kesalahan kali kedua atau yang berikutnya, didenda tidak melebihi RM 250,000 atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi lima (5) tahun atau kedua-duanya.
- Selain itu, bagi memastikan tindakan penguatkuasaan yang lebih tegas dan berkesan, pihak berkaitan juga akan disiasat di bawah Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil Daripada Aktiviti Haram 2001 (AMLATFPUAA 2001) (Akta 613) iaitu kesalahan pengubahan wang haram bagi tujuan mengesan, membeku, menyita serta sehingga ke peringkat perlucutan hak ke atas apa-apa hasil pendapatan atau harta yang dijana daripada aktiviti haram penyelewengan berkaitan barangan kawalan/subsidi.
- Jika disabitkan dengan kesalahan di bawah Akta 613 ini boleh dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi lima belas (15) tahun dan juga boleh didenda tidak kurang daripada lima kali ganda jumlah atau nilai hasil daripada aktiviti haram atau peralatan kesalahan itu pada masa kesalahan itu dilakukan atau lima juta ringgit yang mana yang lebih tinggi.
- Selain itu, KPDNHEP juga telah mempertingkatkan pemeriksaan untuk barang kawalan dan mengadakan publisiti yang meluas, baik di media sosial mahupun di media arus perdana.

Soalan 5

Berapa banyak premis yang telah di periksa menerusi Ops ATM serta apa antara kesalahan yang dilakukan peniaga dan tindakan yang diambil terhadap mereka?

Jawapan:

- Bagi memastikan aktiviti penyorokan barangan terutamanya barangan ayam, telur ayam dan minyak masak KPDNHEP telah melaksanakan pemantauan anti sorok di bawah OPS ATM bermula 23 Jun 2022.
- Berdasarkan statistik penguatkuasaan di bawah OPS ATM bermula 23 Jun 2022 sehingga 13 Julai 2022, sebanyak 8,533 premis telah diperiksa di seluruh Negara. Daripada jumlah sebanyak 109 kes telah diambil ke atas peniaga yang melakukan kesalahan melibatkan nilai rampasan berjumlah RM 142,562.89. Antara kesalahan yang dikesan adalah berkaitan penyelewengan barang kawalan, penyeludupan, berurusan barang kawalan tanpa lesen yang sah, tidak selenggara buku stok dan sebagainya.

Soalan 6

Apakah inisiatif KPDNHEP dalam mengharmonikan Ekonomi Malaysia?

Jawapan:

- KPDNHEP merupakan sebuah Kementerian yang bertanggungjawab menjaga kepentingan dua (2) pihak iaitu peniaga dan pengguna bagi memastikan suasana perniagaan yang adil dan kondusif.
- Dalam aspek mengharmonikan ekonomi Malaysia, kedua-dua golongan ini perlu diambil perhatian

khususnya bagi memastikan kepentingan pengguna dapat dipelihara dan dalam masa yang sama golongan peniaga dapat menjalankan aktiviti perniagaan dengan lebih mudah dan berdaya saing agar perkembangan ekonomi dalam Negara dapat membangun dengan lebih pesat.

- Negara kita mengamalkan sistem ekonomi pasaran bebas dan harga ditentukan oleh permintaan dan penawaran oleh pasaran. Pengguna juga perlu menyedari bahawa penentuan harga barang dipengaruhi oleh kos-kos tertentu yang ditanggung oleh sesebuah perniagaan.
- Kenaikan kos-kos tertentu terutamanya yang di luar jangka seperti kenaikan kos-kos bahan input termasuklah yang diimport daripada luar Negara sesuatu yang tidak dapat dielakkan yang mempengaruhi kenaikan harga barang terutamanya kesan daripada pasca pandemik Covid-19 yang berlaku di seluruh dunia.
- Walaupun bagaimanapun, ini bukanlah suatu alasan untuk peniaga menaikkan harga barang sesuka hati tanpa kawalan. Kenaikan harga barang perlu diimbangi supaya pengguna tidak begitu terbeban dengan kenaikan harga barang yang terlalu tinggi sekaligus menjejaskan kuasa beli pengguna yang boleh memberi kesan kepada peniaga.
- Menyedari situasi kenaikan kos sara hidup (COL) yang berlaku, Kerajaan khususnya melalui KPDNHEP telah melaksanakan pelbagai inisiatif dan tindakan bagi membantu meringankan beban pengguna.
- Antaranya adalah dengan melaksanakan Skim Harga Maksimum Musim Perayaan (SHMMP), Penentuan Harga Maksimum Ayam dan Telur Ayam, menyediakan subsidi ke atas minyak masak paket 1 kg, petrol RON 95 dan diesel selain mengadakan Program Jualan Malaysia (PJM) dan Program Jualan Keluarga Malaysia (PJKM) di seluruh Negara bagi memastikan pengguna dapat menikmati harga barangan keperluan pada harga yang lebih murah di samping mengurangkan beban kesan peningkatan kos sara hidup.

Soalan 7

Selari dengan ketidakpastian ekonomi berikutan faktor global termasuk lonjakan inflasi, komitmen Bahagian Penguat Kuasa KPDNHEP dalam menjamin kepentingan pengguna Keluarga Malaysia?

Jawapan:

- Kerajaan khususnya KPDNHEP menyedari impak ketidakpastian ekonomi berikutan faktor global termasuklah lonjakan inflasi memberikan kesan langsung ke atas harga barang dalam Negara.
- KPDNHEP akan memberikan komitmen yang tinggi bagi memastikan kepentingan pengguna sentiasa terpelihara dan suasana perniagaan yang adil.
- Sebarang salah laku oleh segelintir pihak yang tidak bertanggungjawab tindakan akan diambil dengan tegas berlandaskan peruntukan undang-undang yang dikuatkuasakan terutamanya di dalam memastikan tidak berlaku aktiviti mencatut dan penyelewengan ke atas barang kawalan dan bersubsidi.
- KPDNHEP juga telah menyediakan pelbagai saluran aduan bagi memudahkan pengguna membuat sebarang aduan yang berkaitan bersama maklumat yang lengkap supaya tindakan penguatkuasaan dapat dilakukan dengan lebih menyeluruh dan berkesan seperti berikut:
 - WhatsApp 019-279 4317 / 019-848 8000
 - Portal Aduan; e-aduan.kpdnhep.gov.my
 - Call Centre 1-800-886-800
 - Emel e-aduan@kpdnhep.gov.my
 - Ez ADU KPDNHEP



SUASANA PERBARISAN KEHORMATAN JUBLI EMAS KE 50

DRAMATIK DAN SEMPENA

SEMASA KAWALAN SAMBUTAN



Sumber Foto: Unit Komunikasi Korporat

KAJANG, 21 JULAI 2022 – Telah berlangsung Majlis Perbarisan dan Kawalan Kehormatan Sempena Sambutan Jubli Emas Ke 50 Bahagian Penguat Kuasa dan Tamat Latihan Kursus Asas Sains Penguatkuasaan, KPDNHEP Tahun 2022 yang dirasmikan oleh YB Dato Sri Alexander Nanta Linggi, Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna bertempat di Maktab Penjara Malaysia, Kajang, Selangor.

Seramai 67 anggota terdiri daripada 49 anggota pelatih lelaki manakala selebihnya seramai 18 anggota adalah pelatih wanita melibatkan pelbagai gred jawatan iaitu Pegawai Penguat Kuasa Gred KP 41, Penolong Pegawai Penguat Kuasa Gred KP 29 dan Pembantu Penguat Kuasa Gred KP 19.

Menurutnya, Kursus Asas Sains Penguatkuasaan kali ini telah diadakan selama dua (2) minggu bermula 1 Julai 2022 sehingga 14 Julai 2022 bertujuan untuk memberikan latihan dan ilmu pengetahuan asas kepada anggota lantikan baharu berkaitan tugas-tugas penguatkuasaan di bawah bidang kuasa Kementerian. Selain itu, pelatih juga telah didedahkan berhubung aspek kecergasan jasmani dan fizikal seperti latihan kawad kaki, tempur tanpa senjata, pengendalian/ penggunaan senjata api.



Majlis yang diadakan pada hari ini juga merupakan acara Perbarisan dan Kawalan Kehormatan Sempena Sambutan Jubli Emas Ulang Tahun Ke-50 Bahagian Penguat Kuasa KPDNHEP. Ulang tahun Penguat Kuasa KPDNHEP sepatutnya disambut pada tanggal 17 April setiap tahun dan tahun ini cukup istimewa dan bermakna sekali kerana genap 50 tahun usia Penguat Kuasa KPDNHEP yang ditubuhkan secara rasmi pada 17 April 1972 dengan tema “**Komited Mendepani Cabaran**”.

Anggota Penguat Kuasa KPDNHEP akan terus komited mendepani rintangan dan cabaran dengan penuh komited dan dedikasi serta penuh berintegriti untuk memastikan pertumbuhan perdagangan domestik berkembang dengan pesat dan dalam masa sama memelihara kepentingan pengguna selari dengan aspirasi Kerajaan serta memenuhi keperluan semasa untuk mensejahterakan **Keluarga Malaysia**.

KPDNHEP SABAH CATAT RAMPASAN LEBIH RM3 JUTA DALAM TEMPOH ENAM BULAN



Sumber Foto: Sabah Media

KOTA KINABALU, JULAI 2022 : Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Sabah berjaya menghasilkan sebanyak 697 kes sepanjang enam bulan pertama tahun ini dengan nilai rampasan lebih RM3 juta. Pengarah Pejabat Kpdnhep Sabah Georgie abas berkata, kes itu adalah hasil pemeriksaan di 48,789 premis di seluruh Sabah.

“Sebanyak 697 kes telah dihasilkan bagi tempoh 1 Januari hingga 30 Jun yang lalu dengan jumlah kompaun sebanyak RM132,700 dan denda sebanyak RM2,000 serta nilai sitaan atau rampasan sebanyak RM3,768,066.67 atas pelbagai kesalahan.

“Pihak kita berharap agar semua peniaga termasuklah premis-premis yang berada di luar bandar untuk terus mematuhi semua perundangan yang dikuatkuasakan oleh pihak kementerian bagi mengelakkan daripada dikenakan tindakan tegas,” katanya dalam kenyataan di sini hari ini.

Georgie berkata, para peniaga juga diseru untuk bekerjasama dengan kerajaan bagi memastikan keberadaan barang keperluan terutamanya ayam, telur ayam dan minyak masak serta tidak mengambil kesempatan dengan mengambil keuntungan secara tidak munasabah (mencatut).

Katanya, anggota penguat kuasa kpdnhep akan sentiasa berada di lokasi- lokasi yang menjadi tumpuan orang ramai membeli-belah seperti pasar awam, pasar tani dan pasar raya untuk menjalankan pemeriksaan dan pemantauan.

Dalam pada itu, kpdnhep sabah turut mengadakan pemeriksaan dan pemantauan di sebuah pasar raya di kingfisher di sini petang tadi sempena pelaksanaan Penentuan Harga Maksimum Ayam Dan Telur Ayam (ATM) yang diketuai Timbalan Pengarah Kpdnhep Sabah Zulfamy Mat Udi.

Katanya, Ops ATM dilancarkan bertujuan untuk membanteras dan menggempur aktiviti menyorok barang kawalan dan memastikan keberadaan bekalan terutama barang makanan negara sentiasa mencukupi dan mudah diperolehi oleh pengguna pada harga berpatutan pada setiap masa.

DISERBU SOROK MINYAK MASAK BERSUBSIDI, PASAR RAYA

PETALING JAYA, JULAI 2022: Sebuah pasar raya di Kota Warisan, Sepang diserbu Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) kelmarin, selepas dikesan menyorok dan menjual minyak masak pekete 1kg secara bersyarat.

Ketua Pengarah Penguat Kuasa KPDNHEP, Azman Adam berkata, penguat kuasa KPDNHEP Sepang yang berpakaian preman memeriksa premis itu susulan aduan orang ramai.

Ketika pemeriksaan dilakukan, katanya, dokumen deklarasi maklumat mengenai keberadaan sebenar bekalan minyak masak bersubsidi itu gagal dikemukakan kepada pasukan penguat kuasa.

“Situasi ini memberi isyarat kepada pasukan pemeriksa untuk membuat siasatan susulan ke atas premis yang diadakan di bawah Akta Kawalan Bekalan (AKB) 1961 itu,” katanya menurut laporan Kosmo.

Beliau berkata, hasil pemeriksaan mendapati wujud tindakan tidak beretika oleh peniaga, iaitu menjual dan membekalkan barang kawalan bersubsidi itu secara bersyarat kepada pelanggan, selain sejumlah produk itu disimpan dalam stor.

“Premis berkenaan dikenakan tindakan di bawah Seksyen 19 AKB 1961 atas kesalahan menjual barang kawalan berjadual secara bersyarat dan pasukan penguat kuasa turut merampas 1,944 unit minyak masak pekete 1kg bernilai RM4,860 serta dokumen urus niaga berkaitan.

“Jika sabit kesalahan, mereka boleh didenda tidak melebihi RM1 juta bagi orang perseorangan atau penjara tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya mengikut Seksyen 22 (1) AKB 1961.”

Katanya, penguat kuasa turut menyiasat potensi kesalahan lain seperti keengganan menjual barang berjadual dengan kuantiti munasabah kepada pelanggan dan penyelenggaraan buku stok bagi barangan berjadual oleh pemborong dan peruncit.

Beliau berkata, Bahagian Penguat Kuasa KPDNHEP akan bertindak tegas dan tidak berkompromi dalam menguatkuasakan undang-undang untuk membanteras sindiket penyelewengan barang kawalan dan subsidi demi kepentingan pengguna.

MINYAK MASAK LEBIH RM2.4 JUTA DIRAMPAS



Sumber Foto: Knewbii Malaysia

KUALA LUMPUR, JULAI 2022: sejumlah RM 2.413 juta nilai rampasan direkodkan dalam operasi bersepadu berkaitan minyak masak yang dijalankan oleh Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) sejak 1 Julai lepas hingga semalam.

Ketua Pengarah Penguatkuasa Kpdnhep Azman Adam berkata sepanjang tempoh itu juga, sebanyak 126 kes melibatkan pelbagai kesalahan berkaitan minyak masak telah diterima oleh pihaknya di seluruh negara.

"Kesalahan yang dilakukan termasuk penyelewengan minyak masak paket yang dijual semula dalam botol dan pembekalan minyak masak kepada pihak tidak berkelayakan dan tidak berlesen.

"Selain itu, terdapat peniaga yang didapati menyorok atau mengalihkan dan menyimpan bekalan barangan tersebut di tempat yang tidak berlesen," katanya kepada pemberita selepas memeriksa sebuah pasar raya di Batu Caves hari ini.

Beliau juga berkata sejak penubuhan pasukan khas jihad tangani inflasi pada jun lepas, sebanyak 16,562 premis diperiksa menerusi operasi khusus di bawah operasi ayam telur minyak masak (ops ATM) manakala penaziran turut dilakukan ke atas 729 premis pembungkusan semula, pemborong dan peruncit.

Azman pula berkata setakat ini, sebanyak 32 peratus premis perniagaan mula menjual minyak masak botol di bawah harga yang ditetapkan berbanding 17 peratus pada 8 Ogos lepas.

"Ini adalah satu langkah baik yang dilaksanakan oleh para peniaga iaitu mereka menjual barangan tersebut di bawah harga yang ditetapkan manakala selebihnya mengikut harga yang telah ditetapkan oleh kerajaan," katanya.

Sebelum ini, pengerusi pasukan khas jihad tangani inflasi Tan Sri Annuar Musa dilapor berkata minyak masak sawit dalam botol lima kilogram akan dijual pada harga rm34.70 bermula 8 Ogos.

KPDNHEP MELAKA RAMPAS 12,000 LITER DIESEL



Sumber Foto: Berita Harian Online

MELAKA, OGOS 2022 - Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Melaka merampas 12,000 liter minyak diesel bersubsidi dipercayai diseleweng dalam serbuan di sebuah premis di kawasan Perindustrian Krubong, di sini jam 2 petang semalam.

Pengarahnya, Norena Jaafar, berkata selain diesel yang ditemukan dalam tangki tambahan lori dan tangki minyak, rampasan turut membabitkan dua lori tangki, dua tangki simpanan minyak, 20 tangki tambahan serta paip penyambung dengan nilai keseluruhan dianggarkan RM186,000.

Serbuan dengan kerjasama polis itu hasil risikan selama dua minggu terhadap premis terbabit yang dijadikan stor penyimpanan dan penjualan haram serta kenderaan digunakan untuk kegiatan penyelewengan.

"Hasil siasatan mendapati modus operandi digunakan adalah dengan menggunakan lori satu hingga tiga tan mereka membuat isian antara RM300 hingga RM500 di setiap stesen minyak di sekitar negeri ini, selain berselindung dan menutup tangki menggunakan kanvas," katanya pada sidang media di lokasi premis itu yang di sita hari ini.

Norena berkata, semasa serbuan tiga lelaki tempatan dan dua warga Bangladesh yang juga pemandu dan kelindan lori serta penjaga stor berusia antara 37 dan 55 tahun turut ditahan.

Semua lelaki berkenaan direman empat hari bagi membantu siasatan di bawah Seksyen 21 Akta Kawalan Bekalan 1961.



Sumber Foto: Suara Sarawak

DUA KES DITUMPASKAN MENERUSI OPERASI ANTI SOROK

KUCHING, OGOS 2022 - Operasi Anti Sorok oleh Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) menerusi Operasi Anti Sorok berjaya menumpaskan dua lagi kes melibatkan kes menyorok dan menjual barang kawalan subsidi minyak masak.

Ketua Pegawai Penguat Kuasa Negeri Sarawak Peter J. Berinus Agang berkata satu premis perniagaan di Bau berjaya dikesan, disyaki melakukan kesalahan di bawah Seksyen 15 Akta Kawalan bekalan 1961.

"Sejumlah 336 kilogram (kg) minyak masak subsidi polibeg 1 kg berjaya dirampas dengan jumlah nilai rampasan berjumlah RM840," katanya dalam satu kenyataan, hari ini.

Manakala, satu lagi kes melibatkan sebuah premis perniagaan di Jalan Song yang disyaki melakukan kesalahan dibawah Seksyen 19 Akta Kawalan Bekalan 1961 iaitu kesalahan menjual barang kawalan dengan mengadakan pembelian bersyarat.

"Sejumlah 693 kg minyak masak subsidi polibeg 1 kg telah dirampas dengan jumlah nilai rampasan sebanyak RM1,732," katanya ringkas. Menurutnya lagi, denda tidak lebih RM1 juta, manakala RM3 juta untuk kesalahan berikutnya boleh dikenakan jika sabit kesalahan, bagi orang perseorangan atau penjara tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya sekali.

"Untuk rekod statistik, bermula Januari hingga 2 Ogos tahun ini, sebanyak 720 kes dikesan melibatkan pelbagai akta yang dikuat kuasa oleh kementerian dengan jumlah nilai rampasan mencecah RM5,7 juta dan jumlah nilai kompaun adalah sebanyak RM502,500.

"Selain pelaksanaan Kempen Anti Sorok, KPDNHEP Sarawak sentiasa serius membendung kegiatan penyelewengan barang kawalan subsidi yang menjadi penyumbang utama kepada ketirisan subsidi dan gangguan bekalan barang kawalan di pasaran seperti mengadakan operasi bersepadu agensi penguatkuasaan di sempadan negeri Sarawak," tegasnya.

PENGUATKUASAAN HARGA SILING MINYAK MASAK BOTOL



Sumber Foto: Facebook Nforceteam KPDNHEP

PENGUATKUASAAN HARGA SILING MINYAK MASAK BOTOL

Minyak masak sawit dalam botol lima kilogram (5kg) yang sekarang berharga antara RM39 hingga RM42, akan dijual pada RM34.70 bermula 8 Ogos 2022. Harga baharu ditetapkan susulan pelaksanaan harga maksimum minyak berkenaan secara bulanan berdasarkan harga bagi satu tan metrik minyak sawit mentah (CPO) diumumkan Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB), dengan harga RM4,063 bagi Ogos.

Pengerusi Pasukan Khas Jihad Tangani Inflasi, Tan Sri Annuar Musa, mengumumkan kerajaan memutuskan mekanisme penetapan harga siling minyak masak botol tidak bersubsidi di Semenanjung, ditentukan secara bulanan mengikut purata harga minyak sawit mentah (CPO) bulan sebelumnya.

Penetapan harga siling itu akan berkuat kuasa setiap lapan hari bulan dengan kadar bagi minyak masak botol 3kg dan 1kg akan diumumkan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP).

Berikut adalah ringkasan penguatkuasaan harga siling minyak masak botol setelah dikuatkuasakan.

Setakat 12 Ogos 2022 bagaimana peniaga dilihat mematuhi dengan penetapan harga baharu minyak masak tidak bersubsidi ini ?

Kawalan harga ke atas minyak masak

1 kg	RM 7.70
2 kg	RM 14.70
3 kg	RM 21.70
5 kg	RM 34.70

- peniaga rata-rata patuh
- Sepanjang pemantauan yang dilaksanakan mulai 8 Ogos 2022, sebanyak **757 pemeriksaan** telah dijalankan ke atas **premis perniagaan runcit**.
- **4 tindakan kes** telah diambil. Jual melebihi harga maksimum. RM40 & RM30
- **Kompaun** sebanyak **RM 3,500** telah dikeluarkan.
- Pemeriksaan 31% (237 peniaga) jual **di bawah harga kawalan**. 68.5% ikut harga kawalan. 0.5 % je langgar.
- Secara rata-rata, peniaga mematuhi harga maksimum ini dan beri kerjasama baik.
- Harga Premis paling rendah ialah RM 29.70


Bagaimanakah gerak kerja KPDNHEP dalam memantau serta melakukan operasi pematuhan harga ini ?

- Pemeriksaan dan operasi dilaksanakan setiap hari
- Pemeriksaan dibuat **bawah ke atas** pada masa ini.
- Bermula dari peringkat **runcit ke pemborong, pengedar** dan pengilang.
- Pemeriksaan ke atas:
- **Harga maksimum**
- **Bekalan**
- Kita juga laksanakan pendekatan **Ops Samar** dalam melaksanakan pemeriksaan
- Kita tak nak pengusaha hanya **patuh semasa kita hadir beruniform sahaja**
- Kita adakan pemeriksaan dalam **pakaian preman**


Bagaimanakah kadar siling bulanan melalui kaedah pengiraan ini ditentukan?

Pengiraan dibuat berdasarkan harga CPO Crude palm Oil – Minyak Sawit Mentah sebelum– Harga terdahulu.

- **Ambik harga purata CPO dan kira berapa kos proses - kos tapis - kos-kos lain.**



- **Sehingga menjadi minyak masak.**



- Kemudian harga terbabit akan digazetkan.
- Buat masa ini kawalan harga berkuatkuasa **8 Ogos hingga 7 September 2022**

Take home message kepada peniaga dan pembeli berkenaan dengan usaha yang dilakukan oleh pihak kerajaan ketika ini dalam soal kawalan harga minyak masak.

- Harga maksimum ini mesti dipatuhi.

Bekalan

***menyembunyikan, menafikan memiliki, enggan jual** boleh diambil tindakan di bawah **AKB 1961**.

